

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 41 RABU 11 OKTOBER, 1967

1387 رابو 7 رجب

PERCHUMA

PADUKA SERI BAGINDA TURUN DARI TAKHTA D.P.M. MAHKOTA DI-TABALKAN MENJADI SULTAN BRUNEI KE-29

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah ditabalkan menjadi Sultan Brunei yang ke-29 sa-bagai Duli Yang Maha Mulia Paduka Paduka Seri Sultan Hassanal Bolkiah Muizzuddin Waddaulah.

Istiadat pemashhoran Baginda menaiki takhta singgahsana kerajaan Brunei adalah berikutan dengan pengish-tiharan turun dari takhta oleh Paduka Ayahanda Baginda, bekas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin.

Istiadat Pemashhoran di-Balai Singgahsana telah dibuat di-bawah Sharat2 perlembagan untuk pemashhoran mengangkat dan melantek Pemangku Raja.

Istiadat itu telah di-hadhiri oleh Pembesar2 Negara termasuk Yang Teramat Mulia, Seri Paduka Duli2 Wazir, Cheteria2, Pemangku Menteri Besar serta ahli2 majlis2 mashuarat.

Dengan suara yang tegas tetapi sedeh, Duli Yang Maha Mulia telah memuji2 Paduka Ayahanda Baginda dan melahirkan keyakinan akan di-beri petunjuk, pimpinan dan nasihat2 dari Paduka Ayahanda Baginda.

Duli Yang Maha Mulia kemudian-nya, berikrar akan melaksanakan tugas2 Baginda sa-bagai sa-orang Sultan dan akan menumpukan tenaga dan usaha untuk melaksanakan dasar2 Paduka Ayahanda Baginda dalam usaha memelihara keamanan keselamatan dan kema'amoran serta akan menjunjung nama baik Negeri Brunei Darus Salam.

Duli Yang Maha Mulia juga berikrar akan meninggikan taraf hidup raayat melalui projek2 perkembangan yang berfaedah yang telah di-ran-

changkan oleh Paduka Ayahanda Baginda yang sa-bahagian-nya telah pun di-laksanakan dan yang maseh dalam proses pelaksanaan.

Duli Yang Maha Mulia juga berikrar untuk menjunjung dan melindungi Ugama Islam serta Adat Istiadat negeri ini.

Baginda mengakhiri ucapan Baginda dengan berseru kapada Pembesar2 Negara,

Pegawai2 Anggota2 Majlis2 Mashuarat dan raayat jelata supaya memberikan kerjasama yang erat dan mutlak sa-bagaimana yang telah mereka berikan kapada Paduka Ayahanda Baginda di-masa2 lampau.

Terdahulu dari itu, Pemangku Menteri Besar Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji

Abdul Rahim telah menyembahkan ikrar ta'at setia Pegawai2 Kerajaan dan raayat kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan.

Beliau berkata, ta'at setia itu tidak memilih walau setitik pun dan serupa dengan yang pernah di-sembahkan terhadap Paduka Ayahanda Baginda.

Pemangku Menteri Besar juga berikrar untuk menumpukan segala tenaga, perkhidmatan dan pengorbanan kapada baginda dalam melaksanakan tanggung jawab baginda sa-bagai sa-orang Sultan yang adil serta bijaksana.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusof ketika mengingatkan kembali kejayaan2 gilang gemilang yang di-chapai oleh bekas Baginda Maulana Al-Sultan telah mensifatkan-nya dengan suara yang tertekan2 sa-bagai kejayaan2 yang di-chapai oleh sa-orang Raja yang berdaulat, bijaksana dan adil.

Semasa pemerentahan bekas Duli Yang Maha Mulia Baginda Maulana Al-Sultan sa-lama 17 tahun, baginda telah membuat berbagai2 perubahan yang berjaya menjadikan Brunei sa-buah negara yang moden dan setanding dengan lain2 negara di-sabelah sini.

Pemangku Menteri Besar berkata, beliau yakin bahawa Baginda akan mengikut jejak langkah dan contoh tauladan Paduka Ayahanda Baginda dalam melaksanakan peranan sa-bagai Sultan di-negeri ini.

Beliau berdo'a semoga di-bawah pemerentahan Baginda yang adil dan bijaksana, Brunei akan terus ma'amor dalam keadaan aman dan sejahtera.

(Berita lanjut mengenai pengish-tiharan turun dari takhta oleh Paduka Ayahanda Baginda disiarkan di-muka tengah.)



D.Y.M.M. PADUKA SERI SULTAN

Jabatan Ugama menangi hadiah pertama kereta berhias keputusan berchuchol dan pintu gerbang

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal-Ehwal Ugama dan Jabatan Kerja Raya Bahagian Workshop telah berjaya memenangi hadiah pertama dan kedua dalam peraduan perarakan kereta berhias yang telah di-adakan pada siang dan malam pada hari Ahad dan Isnin lepas.

Jabatan perubatan telah mendapat tempat ketiga dalam perarakan waktu siang, semem-tara Jabatan Telikom juga mendapat tempat ketiga dalam perarakan waktu malam.

Kereta2 berhias dari Jaba-tan Daerah Brunei dan Per-satuan Murid2 Tua Sekolah Pertukangan telah di-beri ha-diah2 sagu hati.

Hadiah pertama basikal berhias di-menangi oleh Awang Haji Tuah bin Haji Bakar; kedua, Awang Apong bin Laman dan yang ketiga jatuh kepada Awang Ahmad bin Bujang. Tiga peserta telah di-beri hadiah sagu hati ia-itu Awang Ismail bin Hashim, Awangku Jaludin dan Awang Sahat.

Tanglong berjalan kaki bagi sekolah2 menengah pasokan Asrama Maktab SOAS telah memenangi hadiah pertama; hadiah kedua jatuh kepada pasokan Maktab Perguruan Melayu Bahagian Lelaki, se-mantara bahagian perempuan maktab tersebut mendapat hadiah ketiga.

Bahagian sekolah2 rendah, hadiah pertama di-menangi oleh Sekolah Melayu Lela Menchanai; kedua, Sekolah Melayu Haji Md. Salleh, Sun-gai Hanching dan yang ke-tiga di-menangi oleh Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

Dalam bahagian kampung2 pula, hadiah pertama jatuh kepada Kampung Bakut Be-rumput; kedua, Kampung Pengiran Pemancha Lama dan yang ketiga Kampung Sungai Kedayan 'B'.

Bahagian persatuan2 belia; hadiah pertama, Persatuan Pe-muda Pemuda Bersatu Kam-pung Ujong Bukit; kedua, Persatuan Ikatan Setia Pahlawan (INSAP), sementara PERKASA atau Persatuan Kampung Saba mendapat ha-diah ketiga.

Hanya Pejabat Bomba saja yang telah menyertai dalam peraduan bahagian jabatan2.

Keputusan bagi peraduan2 berchuchol rumah2 darat, pin-tu2 gerbang dan berchuchol bagi bangunan2 sharikat2 per-niagaan ada-lah saperti berik-ut.

BERCHUCHOL RUMAH2 DARAT:

Awang Abdul Wahab bin Pehin Orang Kaya Laila Haji Ismail dari Kampung Lam-bak, Jalan Pasir Berakas telah berjaya mendapat ha-diah pertama; Hadiah Kedua di-menangi oleh Pehin Per-dana Indera Haji Zainal di-Kampung Sungai Lampai dan

hadiah ketiga jatuh kepada Awang Haji Abdul Rahman bin Ya'akop ia-itu peserta yang mendapat hadiah per-tama dalam peraduan tahun lepas.

Awang Abdul Wahab telah menerima perisai rebutan dari Orang Kaya Pekerma Dewa, Yang Berhormat Awang Lu-kan bin Uking, Penulong Menteri Pelajaran.

Sa-banyak 10 buah rumah telah di-beri hadiah sagu hati.

PINTU GERBANG:

Hadiah pertama di-menangi

oleh Persatuan Beras dan Gula; kedua, Persatuan Pem-borong2 dan yang ketika di-menangi oleh Persatuan Orang2 India.

Pintu2 gerbang Jabatan Le-trik, Jabatan Perubatan, Ja-batan Bomba, Persatuan Ke-bajikan Sumbiling Baru, Haji Ibrahim bin Pehin Seri Wang-sa Haji Mohammad, Gabo-ngan Jabatan2 Penchen, Suro-hanjaya Perkhidmatan Awam dan Muzium dan Persatuan Orang2 Tiong Hua di-Bandar Brunei telah di-beri hadiah sagu hati.



Perarakan kereta berhias yang di-bentuk sa-olah2 merupakan sa-buah kenaikan Di Raja yang bergelar 'Gegandong' (Gambar atas) ia-lah perarakan yang di-punyai oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama yang telah berjaya memenangi hadiah pertama.



Gambar atas menunjukkan perarakan kereta berhias yang di-punyai oleh kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan dan Penghapus Malaria yang berjaya mendapat hadiah ketiga.

BERCHUCHOL BAGI BA-NGUNAN2 SHARIKAT PERNIAGAAN:

Bangunan Sharikat Hong-kong dan Shanghai Bank telah mendapat hadiah per-tama; Kedua, Chawangan Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei dan yang ke-tiga di-menangi oleh Sharikat Teck Guan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Datin Siti Ara binte Orang Kaya Shahbandar Haji Md. Taha, isteri kepada Yang Berhormat, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Jamil, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dalam satu upacara menyampaikan hadiah2 di-Padang Besar Bandar Brunei dalam minggu lepas.

Merinyu Perikanan jalani latehan pemeliharaan ikan tropika di-Melaka

BANDAR BRUNEI. — Awang Jusif bin Abu Bakar, Merinyu Perikanan dari Jaba-tan Perikanan, Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat pada minggu lalu untuk men-jalani latehan di-sana.

Pegawai Perikanan Negeri Brunei, Dr. Birkemier berkata, Awang Jusif akan di-tempatkan di-Pusat Penyelidikan Pemeli-haraan Ikan Tropika di-Mela-ka sa-lama enam bulan.

Awang Jusif akan menja-lani latehan dalam kaedah2 memelihara ikan sa-chara moden.

Sa-kembali-nya dari latehan beliau akan mentadbirkan ladang perikanan jabatan itu. Dia juga akan melawat pe-ladang2 di-negeri ini untuk memberikan nasihat kepada mereka tentang kaedah2 me-melihara ikan sa-chara mo-den.

Jabatan Perikanan akan merancang hendak menuboh-kan sa-buah ladang perikanan di-kawasan Sungai Jambu di-Jalan Muara dan telah pun memohon untuk mendapatkan sa-bidang tanah di-kawasan itu kerana tujuan tersebut.

Dr. Birkemier berkata, beliau telah selesai dari men-jalankan satu penyiasatan un-tok membuka tempat yang paling baik bagi di-adakan kolam2 memelihara udang dan telah pun mengambil chon-toh2 ayer untuk di-ukor kan-dongan garam dalam ayer itu.

Kolam2 memelihara udang itu akan di-adakan sa-baik2 sahaja sa-orang pegawai per-ikanan yang telah di-lantek tiba di-negeri ini dalam bulan ini.

Majlis Puja Usia Paduka Seri Baginda



Gambar atas menunjukkan pelajar2 Brunei di-Malaysia Barat dan jemputan2 khas bergambar ramai sa-bagai kenang2an bagi penutup acara majlis itu.

anjoran pelajar2 Brunei di-M'sia Barat

KUALA LUMPUR. — Gabungan pelajar2 Brunei di-Malaysia Barat baru2 ini telah mengadakan majlis sambutan Ulang Tahun Keputeraan bekas Dulj Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang ka-51 dan memperingati Perlembagaan Negeri Brunei yang di-langsungkan di-Rumah Awang Alak Betatar, Kuala Lumpur.

Pelajar2 yang mengadakan majlis itu ada-lah terdiri dari Kolej Islam Petaling Jaya dan Klang, Universiti Malaya, Maktab Perguruan Bahasa Lembah Pantai dan sa-bahagian besar pagawai2 pelatoh dan rekrut Polis Brunei di-Maktab Polis Di-Raja.

Dalam majlis itu di-samping mengalu2kan tetamu khas, Pengerusi Majlis Awang Muhammad Abdul Latif telah menyatakan keshukorannya kerana pelajar2 Brunei di-Malaysia telah dapat berkumpul bersama2 kerana turut meraikan Hari Puja Usia Paduka Seri Baginda.

Beliau juga telah merasa bangsa kerana dapat menyambut hari Perlembagaan

Brunei yang ke-8 yang di-sifatkan beliau sa-bagai satu hari pertolakan Brunei menuju ka-araf kemajuan yang lebeh pesat.

“Pada tahun ini-lah juga Bahasa Melayu telah pun menjadi Bahasa Rasmi dan tunggal di-negara kami dan dengan taraf perasmian itu dapat-lah ia-nya di-gunakan di-sagenap lapangan sama ada di-bidang mengeluarkan pendapat antara raayat dan kerajaan atau pun di-bidang perhubungan rasmi antara pejabat”, tegas Awang Muhammad.

Mengenai perkembangan Bahasa Melayu itu, Awang Muhammad juga telah menyatakan kepada majlis bahawa tugas utama sejak perasmian-nya ia-lah untuk menyatu padukan penduduk2 antara kaum yang ada di-Brunei.

Antara yang hadir dalam majlis itu ia-lah Pengurus Rumah Awang Alak Betatar, Dato Adnan Denay, Timbalan Pengetua Kolej Islam Klang, Dato Dr. Abdul Jalil dan jemputan2 khas dari Maktab MARA, William Jacks dan Pegawai2 Maktab Polis Persekutuan Tanah Melayu.

BANTUAN KAPADA BALU MUDA

KUALA BELAIT. — Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait telah memberikan bantuan kepada sa-orang balu muda Melayu sa-masa balu itu menjalani rawatan di-rumah sakit.

Majlis tersebut dalam mashuarat-nya baharu2 ini telah bersetuju memberikan wang sa-banyak \$30 sa-bulan kepada balu itu untuk memberi nafkah kepada dua orang anak dan ibu-nya yang mana anak2 itu tinggal bersama2-nya pada masa ini.

Bantuan wang yang di-berikan oleh Majlis itu kepada fakir miskin ada-lah kebanyakannya wang yang di-dapati dari derma orang ramai.

Pada bulan lalu, Majlis tersebut telah mengeluarkan wang sa-banyak \$569.80 sa-bagai bantuan kepada orang ramai.

Dalam bulan itu juga, Majlis itu telah mendapatkan sa-jumlah \$1,030 hasil dari jualan 21 dari 26 keping gambar2 lukisan yang di-dermakan kepada-nya oleh Awang Haney Ng.

Majlis itu juga telah menerima derma sa-banyak \$100 dari Sarjan G. V. Robinson hasil dari pungutan dalam satu majlis tari menari yang telah di-adakan baharu2 ini di-Khemah Bolkih di-Bandar Brunei.

Usol adakan Ilmu Sains rumah tangga

PEKAN BANGAR. — Majlis Mashuarat Daerah Temburong telah meluluskan dua usol mengenai pengajaran ilmu sains rumah tangga di-kelas2 dewasa dan kebajikan orang2 sakit di-rumah sakit Bangar, Temburong.

Berdasarkan kepada usol yang di-bentangkan oleh Awang Metussin bin Ali Akbar, majlis telah menasihatkan Pegawai Daerah supaya menentukan bahawa jabatan yang berkenaan mengadakan mata pelajaran tambahan dalam kelas2 dewasa bagi membaiki mata pencharian pelajar2 itu.

Awang Metussin memohon supaya pelajar2 wanita juga hendak-lah di-ajarkan menjahit dan memotong baju, sulam menyulam dan masak memasak.

Satu lagi usol telah di-kemukakan oleh Awang Haji Bakar bin Baha yang memohon jabatan perubatan bagi mengadakan pertunjukan wayang gambar dalam kawasan rumah sakit.

Kata-nya, pertunjukan2 serupa itu akan dapat membantu orang2 sakit supaya segera sembuh.

Sidang di-pekan Bangar pada hari Isnin lepas yang di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah, Awang Johari, bin Abdul Razak itu, telah memberikan jawapan2 yang memuaskan kepada dua soalan mulut mengenai hubungan2 radio-telephone ka-kampung2 di-daerah tersebut, dan kerja2 kerana menyediakan tapak kawasan bagi Bangar baru.



Suasana dalam majlis jamuan makan berserak.

11 Oktober, 1967

peristiwa
4 oktober

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dengan kemahuan Baginda sendiri telah turun dari takhta Singgahsana Kerajaan dan Baginda sendiri menitahkan bahawa keputusan itu ada-lah mu'tamat dan sekali2 tidak boleh di-tarek balek.

Peristiwa yang menggoncangkan malam 4 Oktober, 1967 itu telah menjadikan seluruh rakyat tafakkur dan mulailah kesayuan timbul dari lubuk hati yang sa-lama ini memberikan ta'at setia, cinta dan kasih kepada Duli Baginda Maulana Al-Sultan—Sultan yang telah memberikan kema'moran dan keamanan — kemewahan dan ketenteraman kepada mereka.

Sa-lama 17 tahun duduk di atas Singgahsana Kerajaan, Baginda mendengar tangis dan tawa rakyatnya, malah Baginda berdampingan dengan rakyat jelata baik dalam masa yang gembira mahu pun dalam sa'at yang genting.

Tetapi kini, Sultan yang dikasihi oleh seluruh rakyat itu, telah turun dari Takhta Singgahsana Kerajaan atas kesukaan Baginda sendiri dan sekarang Baginda telah memilih gelaran Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan.

Namun begitu, seluruh rakyat tidak dapat melupakan atas jasa2 yang telah di-buat oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan di-sepanjang memegang tampok pemerintahan yang telah di-laksanakannya dengan penoh keadilan dan kebijaksanaan.

Tonggak penting yang dikurniakan-nya dalam masa pemerintahan itu ia-lah sa-buah perlembagaan yang telah di-mashhurkan pada hari Rabu, 29 September, 1959.

Ini-lah pengurniaan sa-orang Sultan yang maha penting untuk membolehkan pentadbiran negara di-tetapkan di atas bahu rakyat dan menambahkan ketinggian taraf rakyat dan kedaulatan negara di-kalangan antara bangsa. Sejak itu Brunei bertukar churak menjadi sa-buah negara moden, maju dan ma'mor dan sa-tanding dengan lain2 negara di-kawasan sa-belah sini.

Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanul Bolkiah Muizzuddin Waddaulah sa-bagai Sultan Brunei yang ke-29 telah di-sambut dengan restu dan do'a dan limpahan2 ucapan ta'at setia yang tidak melilih walau sa-titik pun seperti juga yang telah di-berikan dalam masa pemerintahan Paduka Ayahanda Baginda.

Atas dasar2 pemerintahan, dari Singgahsana, Paduka Seri Sultan telah menitahkan ikrar akan tetap menjalankan dasar2 pemerintahan seperti masa yang telah di-laksanakan oleh Paduka Ayahanda Baginda dan kerana itu Baginda membuat seruan kepada seluruh lapisan rakyat agar memberikan kerjasama yang erat untuk melaksanakan chita2 Baginda yang murni itu — chita2 untuk keamanan, kema'moran dan kesejahteraan negeri Brunei serta penduduknya.

Semoga di-berkati Allah.



Duli Y.T.M. Paduka Seri Bagawan dengan pakaian selaku Pmerentah Tertinggi Askar Melayu Di-Raja.

PADUKA SERI BAGAWAN



Duli Y.T.M. Paduka Seri Bagawan

Bekas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah memilih gelaran Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan.

Bekas Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri di-masa yang akan datang akan di-kenal sa-bagai Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan.

Gelaran2 baru itu telah di-umumkan oleh pengurus Majlis Mashuarat Mengangkat Raja, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

Bersama2 dengan gelaran2 baru itu ia-lah bendera peribadi masing2, berwarna kuning Di-Raja yang di-susup dengan warna putih sa-besar tiga inchi, di-sebelah kiri bagi Paduka Seri Bagawan dan sa-belah kanan bagi Paduka Seri Bagawan.

Panji2 kerajaan yang berwarna merah di-tempatkan di-tengah2 bendera.

Peristiwa 4 Oktober, 1967 yang menakjub dan mendebarkan
Paduka Seri Baginda turun dari takhta
Duli Pg. Muda Mahkota di-tabalkan
menjadi Sultan Brunei ke-29

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, telah turun dari takhta Singgahsana Negeri Brunei.

Baginda membuat keputusan tersebut, ada-lah sa-chara sukarela dengan kesukaan Baginda sendiri, tanpa sebarang paksaan dengan di-saksikan oleh ahli2 Majlis Mashuarat Mengangkat Raja dan Duli2 Wazir yang telah berlangsung di-Istana Darul Hana pada malam 4 Oktober, 1967.

Dalam satu perisytiharan mengumumkan keputusan Baginda itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bertitah:—

“Warkatul Ikhlas Watafatulejnas, yang terbit daripada laila hati, hening lagi jernih yang tidak menaruh shak dan waham daripada beta Sir Omar Ali Saifuddin Sa'dul Khairi Waddin Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei mema'lumkan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negeri Brunei, bahawasanya beta dengan sukachita mengatakan dari laila hasrat hati beta pada mengisytiharkan kepada kerajaan dan seluruh rakyat ini, dan penduduk Negeri Brunei, bahawa dengan kesukaan beta sendiri turun dari takhta Singgahsana Kerajaan pada hari Rabu, 1 Rajab, 1387, 4 haribulan Oktober, 1967 ada-lah tetap dan mu'tamad, dan sekali2 tidak boleh di-tarek balek.

Oleh yang demikian, sekali lagi beta mengisytiharkan kepada rakyat seluruhnya mengenai maksud beta turun dari takhta Singgahsana Kerajaan ada benar benar dengan kesukaan beta sendiri.”

Majlis Mashuarat Mengangkat Raja, kemudian-nya telah mengadakan satu persidangan di-Istana.

Majlis tersebut telah mengshahkan pertabalan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanul Bolkiah sebagai pengganti yang shah menurut undang2 kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin sebagai Sultan Negeri Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah di-tabalkan ka-takhta Kerajaan Brunei, dalam tahun, 1950.

Naskah rasmi turun dari takhta Kerajaan Negeri Brunei itu, telah di-siarkan oleh Yang Teramat Mulia Seri

Paduka Duli Pengiran Pemancha selaku Ketua Adat Istiadat dalam satu pemashhoran melalui Radio Brunei malam 4 Oktober, 1967.

Keputusan mu'tamad yang tidak dapat di-rombak lagi, yang telah di-ambil oleh bekas Duli Yang Maha Mulia, untuk turun dari takhta Kerajaan Brunei, telah di-ulangi pembacaan-nya oleh ketua pentadbiran Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Pemangku Menteri Besar telah melahirkan kesedaran-nya, bahawa berita itu ada-lah satu berita yang benar2 mengejutkan kita, walau macham mana pun kita mestilah bertenang. Keadaan tenteram yang kita sama nekmati sekarang hendak-lah di-kekalkan.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammed Yusof merayu kepada seluruh rakyat dan penduduk di-negeri ini supaya bertenang dan bersabar dalam menempoh kejadian yang amat menyayat hati ini.

Beliau menambah kata, rakyat inginkan keamanan, kesejahteraan dan kema'moran dan bukan pula keadaan kachau bilau kerana keadaan kachau bilau hanya akan merugikan kita.

Kata-nya, perkara serupa ini sering terjadi dari satu masa ka-satu masa dalam sejarah manusia. Dari sejarah negeri ini, nenek moyang kita juga pernah mengalami peristiwa serupa dengan apa yang di-alami pada hari ini. Sejarah boleh berulang, dan ada-lah satu kenyataan, bahawa peristiwa serupa ini boleh berlaku di-mana2 zaman.

Pemangku Menteri Besar kemudian-nya telah menyeru kepada rakyat, supaya menunjukkan ta'at setia mereka yang sama, kepada Sultan baru, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanul Bolkiah, sa-bagaimana yang telah mereka tunjukkan kepada bekas Baginda Maulana Al-Sultan.

Beliau selanjut-nya berkata, mari-lah sama2 membaharui azam dalam menumpukan semua tenaga, serta ta'at setia kita yang tidak berbelah bagi kerana kepentingan negara dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan.

Mari-lah kita berdo'a, bahawa Sultan kita yang baru ini akan memerintah dengan keadaan aman damai dan kesejahteraan.

Baginda Sultan yang lalu telah menduduki takhta Kerajaan Brunei sa-lama 17 tahun dan memerintah negeri ini dengan penoh kebijaksanaan dan keadilan.

Baginda telah membawakan kemajuan yang di-nekmati hari ini dan dengan penoh kesabaran dan kejujuran bekerja bagi kepentingan semua rakyat Baginda.



D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan.

SULTAN baru Negeri Brunei, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanul Bolkiah Muizzuddin Waddaulah telah menchapai usia 21 tahun pada 15 Julai lepas.

Baginda ada-lah Sultan Brunei yang ke-29 turun temurun sejak dari tahun 1405 Mesehi.

Baginda telah menerima pelajaran sa-chara private di-Istana hingga baginda memasoki Victoria Institution di-Kuala Lumpur.

Kemudian-nya Duli Yang Maha Mulia berangkat pulang ka-tanah ayer untuk memasoki Maktab SOAS di-Bandar Brunei sa-belum berangkat ka-United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran baginda di-sana.

Sa-belum menaiki Takhta Kerajaan, Duli Yang Maha Mulia ada-lah sa-orang kedet di-Maktab Tentera Di-Raja Di-Sandhurst.

Duli Yang Maha Mulia telah di-ishtiharkan sa-bagai Duli Pengiran Muda Mahkota pada 14 Ogos, 1961.

Baginda telah melangsungkan perkahwinan pada 29 Julai, 1965.

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri yang baru ada-lah bekas Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Saleha, puteri kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Haji Mohammad Alam dan Duli Pengiran Bini Anak Besar.



Di-antara yang hadir dalam Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanul Bolkiah Muizzuddin Waddaulah in-lah Duli2 Wazir ia-itu dari kanan; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar.

Gambar sa-belah kanan ia-lah Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Yusof ketika menyampaikan ta'at setia Pengawai2 Kerajaan di-kapada Sultan Brunei yang baru, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Gambar atas menunjukkan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara sedang membacakan pemashhoran pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanul Bolkiah dalam istiadat yang di-langsungkan di-Istana Darul Hana dengan di-saksikan oleh pem-besar2 negara.

Murid Sekolah Lambak jadi johan rentas desa anjoran Persatuan Belia Brunei

BANDAR BRUNEI. — Dayangku Sa'adiah binte Pengiran Tuah, sa-orang murid dari Sekolah Melayu Lambak, Berakas telah berjaya memenangi perlumbaan rentas desa tahunan anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei yang telah berlangsung pada 6 Oktober yang lalu.

Dayanku Sa'adiah telah juga memecahkan rekod tahun lalu yang telah di-buat oleh Dayang Masni dengan menchatet masa 21.54 minit

Perlumbaan itu di-bahagikan kepada empat bahagian ia-itu; Bahagian Lelaki Dewasa, Kanak2, Lelaki, Kanak2 Perempuan dan Berpasokan.

Perlumbaan bagi bahagian lelaki dewasa dan kanak2 lelaki ia-lah sa-jauh tujuh batu manakala bagi bahagian kanak2 perempuan ia-lah sa-jauh 3½ batu.

Keputusan2 perlumbaan ada-lah seperti berikut: —

BAHAGIAN LELAKI DEWASA: Pertama, G. A. Armstrong; kedua, Henry Chin dan ketiga, Awang Apong bin Laman.

BAHAGIAN KANAK2 LELAKI: Pertama — Abdul lah bin Abdul Rahman, kedua

— Murah bin Yahya dan ketiga — Ali bin Haji Abdul Rahim.

BAHAGIAN KANAK2 PEREMPUAN: Pertama — Dayanku Sa'adiah binte Pengiran Tuah, kedua — Dayang Rokiah binte Suhaili dan ketiga Dayang Saedah binte Buyong.

BAHAGIAN BERPASO-

KAN: Pertama — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, kedua — Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei dan ketiga Maktab Perguruan Melayu Brunei 'A' dan keempat S.M.J.A. (Padang).

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Awang Jaya bin Abdul Latif.



Pelajar2 perempuan Maktab Perguruan Melayu Brunei telah juga menyertai peraduan perarakan tanglong berjalan kaki yang di-adakan baru2 ini.



Gambar atas menunjukkan Awang Apong bin Laman bergaya dengan basikal berhias-nya dalam peraduan basikal dan kereta berhias.

BOLA SEPAK

CENTENARY CUP:

Sport Klub Kalahkan Sumbiling

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Brunei Sport Klub telah berjaya mengalahkan pasukan Sumbiling dengan dua gol berbalas satu dalam perlawanan bola sepak Piala Ulang Tahun Labuan yang ke-100 yang telah berlangsung di-Padang Besar Bandar Brunei dalam minggu lalu.

Frankie Ho telah membuat gol pertama bagi Sport Klub dalam paroh masa pertama. Dia telah menendang dengan kencang-nya ka-pintu gol Sumbiling, hasil dari satu hantaran dari Suhaili Lani.

Sa-jurus sa-lepas permainan di-sambong sa-mula, Abdul Razak Abdullah telah berjaya menambahkan kemenangan Sport Klub.

Sumbiling yang menderita kekalahan dua gol kosong telah bermain dengan bersungguh2 untuk menebus kekalahan nya tetapi tidak berjaya.

Sungguh pun begitu, Ali Abdi Manaf berjaya juga pada akhir-nya mengurangkan kekalahan Sumbiling apabila dia menjaringkan gol yang pertama bagi Sumbiling hasil hantaran bola dari adek-nya Yahya.

Pegawai Warrant, T. K. Kirkhope dari Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah mengadili perlawanan itu.

Menyembor ubat DDT

BANDAR BRUNEI. — Kaki tangan luar Jabatan Penghapusan Malaria telah di-tempatkan di-Temburong dan Tutong kerana menjalankan penyemboran ubat DDT kakampong2 yang belum di-sem-bor di-daerah2 itu.

Rombongan di-Temburong telah pun memulakan tugas-nya, apabila mereka melawat Labu Estate, dalam minggu lepas. Sementara kerja menyembor di-Tutong di-mulakan pada hari Isnin di-kampong Menengah.

SOKAN SELUROH NEGERI SAMBUT HARI KEPUTERAAN

BANDAR BRUNEI. — Sokan seluroh negeri telah di-adakan di-padang besar, Bandar Brunei pada hari Jama'at 6 Oktober yang lalu.

Temasha sokan itu pada mula-nya di-anjorkan sa-bagai salah satu acara perayaan bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan.

Ahli2 sokan dari empat buah daerah telah mengambil bahagian dalam temasha tersebut.

Ahli2 sokan dari daerah Brunei dan Muara dan daerah Belait telah berjaya menguasai seluroh perlawanan pada hari itu.

Sa-banyak 40 acara telah di-pertandingkan.

Veteran A. Sibidol telah menguasai acara2 yang di-sukai-nya, Beliau telah memenangi dengan mudah acara2 lempar piring, buang peluru dan melontar lembing.

Jawatan Kosong sa-bagai Penterjemah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan Penterjemah Inggeris/China di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei. Hanya chalon2 yang mempunyai kelulusan Pelajaran saja dikehendaki memohon.

KELAYAKAN2:

Chalon2 mesti-lah sa-orang China, telah lulus Senior Middle Three Chinese, dan sekurang2-nya Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang bersamaan.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$380x-20-480/EB/500x20-620 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaa sa-lama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama. Pemohon2 yang terdiri dari raayat atau yang berhak di-daftarkan menjadi raayat

D.Y.M.M. Al-Sultan, akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa sa-lama 3 tahun.

BAKSIS:

Bagi chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti kerja atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Oktober, 1967.

LANGKAH KETAT TERHADAP IMPOT ANAK2 AYAM

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian telah mengambil langkah2 yang ketat terhadap usaha mengimpot anak2 ayam dalam usaha untuk memelihara ternakan di-negeri ini supaya bebas dari penyakit ayam yang bergelam ranikhet atau penyakit bulan tujoh.

Langkah ini di-ambil berikutan dengan terdapat-nya sa-tengah2 dari penjual2 ayam di-negeri ini mengimpot anak2 ayam yang di-hinggapi penyakit ranikhet itu.

Anak2 ayam yang berjangkit itu, kemudian-nya di-jangkitkan ayam2 yang sehat di-ladang2 ternakan yang membeli-nya dari penjual2 itu.

Pegawai Haiwan Awang C. V. Subramaniam berkata, jika anak2 ayam yang berjangkit di-benarkan di-impot, ia-nya akan merupakan satu ancaman besar kepada perusahaan ayam tempatan yang semakin maju itu.

Kata-nya, beliau telah dapat mengesan bahawa sebab2 merebak-nya penyakit ayam baharu2 ini ada-lah berpuncha dari anak2 ayam yang di-impot yang di-jangkiti oleh penyakit itu.

Penyakit ayam yang merebak itu telah membunuh hampir2 sa-ribu ekor ayam.

Awang Subramaniam berkata, untuk menjamin yang ayam di-impot itu bukan-lah pembawa2 penyakit ranikhet, Jabatan Pertanian akan mensyaratkan para pengimpot supaya menunjukkan sijil2 suntakan sa-belum anak2 ayam

itu di-benarkan masuk ka-negeri ini.

Kata-nya, suntakan tersebut mesti-lah di-lakukan di-negeri asal-nya yang mengesahkan bahawa suntakan "penchegahan F" telah di-gunakan.

Pihak berkuasa haiwan di-Singapura, kata beliau, telah bersetuju untuk menyuntuk semua anak2 ayam sa-belum di-expot dengan suntakan "penchegahan F" itu.

Sekira-nya sijil2 serupa itu tidak dapat di-tunjokan, maka usaha mengimpot anak2 ayam akan di-tolak.

Walau bagaimana pun, kejadian penyakit ayam jenis ranikhet di-kalangan ayam2 di-ladang2 ternakan tempatan telah pun dapat di-bendung.

Jabatan Pertanian terus menerus melancarkan kempen-nya menyuntuk ayam2 sa-bagai langkah penchegahan dari penyakit itu.

Ranikhet atau penyakit bulan tujoh ada-lah sangat merbahaya kepada ternakan ayam dan ia-nya boleh di-jangkiti oleh anak2 ayam dan juga ayam2 yang telah besar.

Biasa-nya dalam masa 48 jam sahaja, sa-ikar ayam akan mati akibat di-jangkiti oleh penyakit tersebut.



Dua buah gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari peserta2 yang mengambil bahagian dalam perarakan tanglong.

Penduduk2 Tutong di-seru ta'at setia

TUTONG. — Awang Haji Ghazali bin Omar, sa-orang ahli Majlis Mashuarat Daerah Tutong, telah menyeru raayat dan penduduk di-daerah itu supaya memberikan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanal Bolkiah, Muizzuddin Waddaulah.

Beruchap di-sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Tutong baru2 ini, Awang Haji Ghazali telah melahirkan keyakinan-nya bahawa Sultan yang baru itu akan menumpukan segala tenaga dan usaha baginda ka-arrah keagongan Negeri Brunei.

Beliau mensifatkan langkah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan turun dari takhta Kerajaan sa-bagai satu perkara yang tidak di-sangka2.

Kata-nya, ketika mendengar permashoran menyerahkan Takhta Singgahasana Kerajaan itu telah memeranjat dan mengemparkan beliau serta raayat dan penduduk Tutong.

Yang Berhormat Awang Mohammad Zain bin Serudin yang turut menghubungkan diri-nya dengan apa yang di-lafadkan oleh Awang Haji Ghazali, telah memuji peme-

rentahan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan.

Kata-nya, Baginda telah memerintah dengan adil dan bijaksana dan benar2 merupakan sa-orang Raja yang di-kasehi oleh ra'ayat.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan, telah menumpukan segala tenaga dan usaha Baginda ka-arrah kemajuan dan perkembangan negara, sepanjang pemerentahan sa-lama 17 tahun.

"Sa-lama itu berbagai2 pembaharuan dan pemulehan telah di-adakan kerana faedah raayat dan negeri," kata-nya.

Terdahulu sa-belum itu, Yang Berhormat Awang Mohammad Zain telah mengutarakan satu usol memohon Jabatan Pos supaya meluaskan perkhidmatan-nya dengan mengadakan postal order, money order dan bank simpanan di-Pekan Tutong.

PERBARISAN TAMAT LATEHAN ASKAR MELAYU

Pemangku S.U.K. nasihati mereka

"jangan champor politik"

BERAKAS. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat, Dato Paduka Awang Mohammad Taib bin Awang Besar telah memeriksa barisan tamat latehan sa-ramai 54 orang rekrut Askar Melayu Di-Raja Brunei, sa-telah menjalani latehan sa-lama 12 minggu, di-Perkemahan Berakas.

Ketika menyampaikan ucapan rengkas, beliau berkata, rekrut2 itu sekarang menjadi tentera yang terlatih sa-telah mempelajari tugas2 dan tanggung jawab sa-bagai perajurit ketika dalam latehan.

Dato Paduka Awang Mohammad Taib mengesa mereka supaya melaksanakan tugas dengan baik dan memelihara keamanan dan keselamatan negara.

Kata-nya, apabila keamanan dan keselamatan terdapat di-sabuh negara maka ia-nya akan pasti maju dalam semua bidang perkembangannya.

Mereka juga di-ingatkan supaya tidak melibatkan diri, dalam lapangan politik, sama ada sa-chara langsung atau sebalik-nya tetapi hendaklah sentiasa menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan, Kerajaan baginda dan Ketua Pasokan mereka.

Mereka juga di-seru mengikuti peratoran2 tentera dan memelihara disiplin sa-bagai anggota Askar Melayu Di-Raja.

Sa-lama dalam latehan mereka telah di-bahagikan kepada dua platoon, ia-itu platoon Awang Semaun dan platoon Nakhoda Ragam.

Pribit Saidil bin Muslim dan Pribit Yusoff bin Juma'at memenangi hadiah sa-bagai rekrut terbaik.

Pribit Roslee bin Ahad dan Pribit Khamis bin Ahmad, memenangi hadiah sa-bagai penembak yang terbaik.

Menurut pemerintah kempeni tersebut, Major Lloyd, mereka akan berchuti sa-lama dua minggu, sa-belum menjalani lagi latehan2 lanjut sa-bagai perajurit negara.

Peladang Wasan lawat Kilanas

KILANAS. — Seramai 52 orang peladang, termasuk 13 perempuan dari Kampong Wasan dan Limau Manis, hari Sabtu lalu telah melawat Pusat Pertanian Kilanas, kerana memerhatikan chara2 pertanian modern sa-telah menamatkan latehan pertanian selama sa-minggu di-kampong mereka atas anjoran Jabatan Pertanian.



Gambar atas menunjukkan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Md. Taib sedang memeriksa perbarisan tamat latehan anggota2 baru Askar Melayu Di-Raja Brunei.



Yang Berhormat, Dato Paduka Awang Md. Taib sedang menyampaikan piala kepada salah sa-orang rekrut yang terbaik

PENGAKAP2 BERIKRAR TA'AT SETIA

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 dan pengakap2 di-Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong telah berikrar memberikan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanal Bolkiah Muizzuddin Waddaulah.

Satu ketetapan sebulat suara yang di-chapai di-majlis sidang jawatankuasa Persatuan Pengakap Daerah Brunei berkata, bahawa ta'at setia mereka itu, ada-lah tidak berkurangan seperti yang pernah diberikan kepada Duli Paduka Ayahanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan.

Persatuan Pengakap Daerah Brunei ada-lah menguasai ba-

dan pengakap di-Daerah Brunei Muara, Tutong dan Temburong.

Sidang di-markas Pengakap Negeri Brunei yang di-pengerusikan oleh Pengerusi-nya Awang Wally Skinner itu, telah menchatetkan tugas dan perkhidmatan yang di-sumbangkan oleh para pengakap, ketika perayaan kerana menyambut ulang tahun keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan.

Pertabalan Paduka Seri Sultan di-alu2kan

KUALA BELAIT. — Pemashhoran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassan Bolkiah sa-bagai Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Brunei telah di-alu2kan dalam majlis Mashuarat Daerah Belait yang bersidang pada hari Khamis lepas.

Dalam sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah itu yang berlangsung di-bilik persidangan Pejabat Daerah, Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh berkata, beliau berasa yakin bahawa Sultan yang baru akan menumpukan tenaga dan usahanya ka-arah keagongan negara sa-bagai mana yang di-lakukan oleh Paduka Ayahanda Baginda.

Awang Zainal Abidin menisfatkan pemashhoran bekas Paduka Seri Baginda turun dari takhta Singgahsana Kerajaan Brunei sa-bagai satu perkara yang mengejutkan.

MENGEJUTKAN

Kata-nya, beliau terperanjat dan berasa gempar apabila terdengar berita bahawa bekas Paduka Baginda telah menyerahkan Takhta Kerajaan Brunei.

Beliau menambahkan, raayat Daerah Belait sangat2 berdukachita atas langkah yang telah di-ambil oleh bekas Paduka Seri Baginda kerana baginda ada-lah benar2 sa-orang Raja yang di-kasehi raayat.

Awang Zainal Abidin kemudian-nya mengemukakan satu usol mengenai peruntokan mengadakan perkhidmatan Ferry untuk kegunaan orang ramai di-Kuala Belait.

Kata-nya, perkhidmatan ferry kepunyaan Sharikat Minyak Sheli hanya di-adakan pada waktu2 yang tertentu sahaja.

Sidang tersebut telah di-pengerusikan oleh pengerusi-nya, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait.